

**Mohd. Puad cabar Salahuddin**  
**Utusan Online**  
**02 April, 2012**  
**Oleh HAMDAN TAWADI**

BATU PAHAT 1 April - "Kalau berani bertandinglah di Batu Pahat."

Itulah cabaran yang dilontarkan oleh Ahli Parlimen Batu Pahat, Dr. Mohd. Puad Zarkashi ketika diminta mengulas kenyataan Naib Presiden Pas, Salahuddin Ayub yang berhasrat bertanding di negeri ini.

Beliau mengalu-alukan hasrat Salahuddin itu tetapi pada masa yang sama turut bersimpati dengan nasib pemimpin Pas itu yang disifatkannya sebagai telah 'ditolak oleh Pas Kelantan'.

"Keadaan beliau bagaikan habis madu, sepah dibuang. Para pemimpin mereka, masing-masing hendak mencari tempat selamat di Kelantan sehingga Ahli Parlimen Kubang Kerian ditolak keluar," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Majlis Perasmian Persidangan Berkelompok UMNO Cawangan-cawangan Dalam Bahagian Batu Pahat yang dirasmikan oleh Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, di sini hari ini.

Pada majlis itu, Puad yang merupakan Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO menyampaikan Anugerah Pelajar Cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) kepada 65 pelajar.

Salahuddin sebelum ini memberitahu wartawan bahawa beliau berhasrat bertanding kerusi Parlimen sama ada di Batu Pahat, Pulai atau Tanjung Piai.

Kerusi Parlimen Pulai disandang oleh Datuk Nur Jazlan Mohamed, manakala Datuk Wee Jock Seng merupakan Ahli Parlimen Tanjung Piai dan kedua-duanya daripada Barisan Nasional (BN).

Salahuddin juga dilaporkan tidak menolak kemungkinan bertanding kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen serentak, sekali gus menguatkan spekulasi bahawa pemimpin Pas itu diletakkan sebagai antara calon Menteri Besar Johor jika pembangkang berjaya menawan negeri ini.

Mengenai spekulasi pembangkang akan meletakkan Salahuddin sebagai calon Menteri Besar, Mohd. Puad mencabar pemimpin Pas itu supaya bertanding di DUN Penggaram.

"Kalau benar pembangkang mendapat sokongan semua lapisan masyarakat seperti yang diuar-uarkan mereka, saya cabar beliau bertanding di kawasan majoriti pengundi Cina iaitu di DUN Penggaram," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0402&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0402&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm)